



## SIARAN MEDIA

---

### **SAMBUTAN JUBLI PERAK - CYBERSECURITY MALAYSIA RAI 19 PENERIMA ANUGERAH KESELAMATAN SIBER MALAYSIA 2022 SEMPENA CSM-ACE 2022**

**KUALA LUMPUR, 20 Oktober 2022** – Meraikan Sambutan Jubli Perak CyberSecurity Malaysia, pusat pakar dan teknikal keselamatan siber di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) hari ini mengadakan Majlis Makan Malam Gala Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2022.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, bersempena dengan Persidangan Cyber Security Malaysia – Awards, Conference and Exhibition 2022 (CSM-ACE 2022).

Menurut Tan Sri Annuar evolusi teknologi telah menyebabkan munculnya ancaman dan serangan siber dengan penjenayah siber dilihat semakin maju, canggih dan berani sehingga menggugat keselamatan dan kesejahteraan negara.

“Situasi ini mendedahkan warga digital Keluarga Malaysia kepada pelbagai bentuk ancaman dan serangan siber yang semakin kompleks. Tema CSM-ACE 2022 iaitu ‘#cyberhygiene’ dilihat amat bertepatan tatkala persekitaran siber semasa semakin sofistikated dan mencabar.”

“Justeru, saya ingin menyarankan agar semua pihak mengguna pakai konsep ‘cyber hygiene’ sebagai pendekatan amalan terbaik kerana ia berupaya menjadi nadi kekuatan pertahanan siber. Ia perlu diperkasa dan dijadikan asas bagi memastikan keselamatan sistem rangkaian sentiasa terlindung, meminimumkan risiko gangguan operasi, kompromi dan kehilangan data dengan meningkatkan postur keselamatan seterusnya memangkin proses pendigitalan ekonomi,” tambah beliau lagi.

Pada majlis tersebut, seramai 19 penerima Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2022 diraikan sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap sumbangan oleh organisasi global, usahawan kecil dan sederhana tempatan (PKS), profesional keselamatan siber serta individu meliputi bidang keselamatan siber dalam landskap ICT Malaysia merangkumi aspek inovasi, komitmen, kepimpinan, dan juga penyediaan pelbagai inisiatif, perkhidmatan serta program-program pendidikan dan kesedaran.

Selain itu, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa turut mengumumkan penggabungan CSM-ACE ke dalam Ekspo dan Persidangan Pertahanan dan Keselamatan Siber peringkat ASEAN atau Cyber DSA 2023, yang akan menyaksikan penglibatan pemain industri siber dari rantau Asia termasuk para profesional dalam sektor swasta dan awam serta kakitangan keselamatan dan ketenteraan, bersidang bersama-sama bagi memacu industri ini ke arah kecemerlangan. Cyber DSA 2023 akan berlangsung mulai pada 15 Ogos hingga 17 Ogos 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

CSM-ACE 2022 yang bermula pada 17 Oktober hingga 21 Oktober 2022 merupakan acara tahunan CyberSecurity Malaysia berkonsepkan kerjasama awam-swasta (*public-private-partnership*), merangkumi tiga komponen utama iaitu Anugerah Keselamatan Siber Malaysia, Persidangan dan Pameran.

Selain persidangan, pelbagai program telah dirangka sepanjang CSM-ACE 2022 yang merupakan edisi ketigabelas seperti simposium industri, program latihan dan pembangunan kapasiti, perbincangan panel meja bulat serta acara satelit iaitu Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan 2022 (NICTSeD 2022) yang melibatkan profesional keselamatan siber, pegawai kerajaan, pemimpin industri, pelabur teknologi, ahli akademik dan juga pelajar.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara) memaklumkan bahawa sepanjang penubuhan CyberSecurity Malaysia, iaitu sejak tahun 1997 bermula dengan nama Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia, telah menjadi tonggak kekuatan dalam membina landskap keselamatan siber negara dengan menerajui pembangunan serta kelestarian ekosistem siber yang selamat dan berdaya tahan sejak dua setengah dekad yang lalu.

"CyberSecurity Malaysia terus teguh berdiri sebagai sebuah pusat rujukan pakar teknikal keselamatan siber di Malaysia dan akan terus kekal komited dalam misi mengukuhkan daya tahan siber negara serta mewujudkan ruang siber yang selamat dan terjamin untuk semua," ujar Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli.

Sepanjang tempoh tersebut, CyberSecurity Malaysia telah berkembang dan menggalas tanggungjawab serta mandat yang diamanahkan dan sehingga kini, entiti ini memiliki kekuatan kakitangan seramai 234 orang dengan keupayaan, kemahiran, kepakaran serta pengalaman dalam pelbagai bidang keselamatan siber.

CSM-ACE 2022 turut disokong oleh Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd., Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., Cyber Defence & Security Asia (CDSA) dan Gagasan Piramid Sdn. Bhd.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat**

**CyberSecurity Malaysia**

**SENARAI PENERIMA ANUGERAH KESELAMATAN SIBER 2022**

**ANUGERAH PROFESSIONAL KESELAMATAN SIBER**

1. Encik Ramesh Naidu
2. Encik Fook Choong Fook
3. Encik Hashim bin Abu

**ANUGERAH SYARIKAT KESELAMATAN SIBER**

1. LGMS Berhad
2. Securelytics Sdn Bhd

**ANUGERAH PROJEK KESELAMATAN SIBER**

1. 'Network Security Monitoring (NESMOC)' Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) Kementerian Pertahanan Malaysia)
2. 'Biometric Platform for Identity Management in Electronic Automated Gate' (Bahagian Keselamatan dan Passport, Jabatan Imigresen Malaysia)

**ANUGERAH INOVASI KESELAMATAN SIBER (PRODUK)**

1. 'National Home-Grown Cryptography Product' (Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) Kementerian Pertahanan Malaysia)
2. 'Managed Extended Detection & Response' (DXC Technology)
3. 'Lembah Sari - Sicpa Certus®' (Lembah Sari Sdn Bhd)

**ANUGERAH INOVASI KESELAMATAN SIBER (LATIHAN & PENDIDIKAN)**

1. 'RCCE (Rocheston Certified Cybersecurity Engineer)' (Rocheston)
2. 'Cybertron' (Cybertronium Sdn. Bhd)

**ANUGERAH INOVASI KESELAMATAN SIBER (PERKHIDMATAN)**

1. 'Digital Threat and Brand Monitoring' (Syntx Sdn. Bhd)
2. 'Vulsan X Breach Assessment' (Vulsan X Cydef Sdn. Bhd)

**ANUGERAH ORGANISASI OUTREACH**

1. 'School of Computing' (Universiti Utara Malaysia)

**ANUGERAH PROFESSIONAL CYBERSAFE**

1. Encik Muhammad Hanif bin Harun
2. Puan Nurul A'syiqin binti Haris
3. Encik Mohd Fadzil Azhar bin Md Fatin

**ANUGERAH KHAS: PENGIKTIRAFAN ATAS SUMBANGAN PEMBANGUNAN KESELAMATAN SIBER 5G DI MALAYSIA**

1. Huawei Technologies (Malaysia)